



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2019

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Pindaan bab 2 dari Penggal 39
3. Pindaan bab 20
4. Pindaan bab 21
5. Pindaan bab 22
6. Pindaan bab 93
7. Pindaan bab 100
8. Pemasukan bab-bab 100A, 100B, 100C dan 100D baru
9. Pindaan bab 103
10. Pindaan bab 108
11. Pemasukan bab 120A baru
12. Pindaan bab 121
13. Pindaan bab 131
14. Pindaan bab 135A
15. Pindaan bab 141A
16. Pemasukan bab 141BA baru
17. Pindaan bab 151
18. Pindaan bab 289
19. Pindaan bab 290
20. Pemasukan bab 302A baru
21. Pindaan bab 309

22. Pindaan Akta itu
23. Penggantian bab 312
24. Pemasukan bab 312A baru
25. Pindaan Akta itu
26. Pemasukan bab 316A baru
27. Penggantian bab 319A
28. Pemasukan bab-bab 319B, 319C, 319D dan 319E baru
29. Pindaan Akta itu
30. Pindaan bab 323
31. Pemansuhan bab 324
32. Pemansuhan Jadual Kesembilan
33. Pindaan Jadual Kesebelas
34. Pindaan Akta itu



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2019.

Pindaan bab 2 dari Penggal 39

2. Bab 2 dari Akta Syarikat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam ceraian (1) –

(a) dengan memasukkan mengikut susunan abjad yang berkenaan tafsiran-tafsiran baru yang berikut –

“ “perbadanan perakaunan” bermakna suatu syarikat yang dibenarkan atau dianggap sebagai dibenarkan menjadi suatu perbadanan perakaunan di bawah Perintah Akauntan, 2010 (S 115/2010);

“entiti perakaunan” bermakna seseorang akauntan awam, suatu perbadanan perakaunan, suatu firma perakaunan atau suatu perkongsian liabiliti terhad perakaunan;

“firma perakaunan” bermakna suatu firma yang dibenarkan atau dianggap sebagai dibenarkan menjadi suatu firma perakaunan di bawah Perintah Akauntan, 2010 (S 115/2010);

“perkongsian liabiliti terhad perakaunan” bermakna suatu perkongsian liabiliti terhad yang dibenarkan menjadi suatu perkongsian liabiliti terhad perakaunan di bawah Perintah Akauntan, 2010 (S 115/2010);

“rekod perakaunan”, berhubung dengan suatu perbadanan, termasuk kertas-kertas kerja dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan untuk menerangkan kaedah dan perkiraan yang dengannya akaun-akaun perbadanan itu dibuat;

“akaun” bermakna akaun untung dan rugi, atau akaun pendapatan dan perbelanjaan, dan kunci kira-kira yang disebut dalam bab 122 dan termasuk nota-nota (selain laporan juruaudit atau laporan pengarah) yang disertakan atau dimaksudkan untuk dibaca dengan mana-mana akaun untung dan rugi, akaun pendapatan dan perbelanjaan atau kunci kira-kira itu;”;

- (b) dengan memotong takrifan “Clerk of Council”;
- (c) dengan memotong takrifan “general rules”;
- (d) dalam takrifan “Minister”, dengan memasukkan “and Economy” sejurus selepas “Finance”;
- (e) dengan memotong takrifan “resolution for voluntarily winding up”.

Pindaan bab 20

3. Bab 20 dari Akta itu adalah dipinda –

- (a) dalam ceraian (2), dengan memotong “Except with the consent of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “Unless with the approval of the Registrar”;
- (b) dengan memansuhkan ceraian (6);
- (c) dengan memansuhkan ceraian (7);
- (d) dengan memansuhkan ceraian (8);
- (e) dengan memansuhkan ceraian (9);
- (f) dengan memansuhkan ceraian (10).

Pindaan bab 21

4. Bab 21 dari Akta itu adalah dipinda –
- (a) dalam ceraian (1), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dari dua baris pertama dan dari baris keempat terakhir dan menggantikannya dengan “the Registrar”;
 - (b) dalam ceraian (2) –
 - (i) dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “the Registrar”;
 - (ii) dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan so direct” dari baris-baris kedua dan ketiga terakhir dan menggantikannya dengan “the Registrar so directs”;
 - (c) dalam ceraian (4) –
 - (i) dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “the Registrar”;
 - (ii) dalam proviso, dengan memotong “His Majesty the Sultan Yang Di-Pertuan” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “the Registrar”.

Pindaan bab 22

5. Bab 22 dari Akta itu adalah dipinda –
- (a) dalam ceraian (1), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dan menggantikannya dengan “the Registrar”;
 - (b) dalam ceraian (3), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dari baris-baris keempat dan kelima dan menggantikannya dengan “the Registrar”.

Pindaan bab 93

6. Bab 93 dari Akta itu adalah dipinda –
- (a) dalam tajuk bab, dengan memotong “by company” dan menggantikannya dengan “and registration number”;
 - (b) dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (1) ceraian baru yang berikut –
 - “(1A) Nombor pendaftaran suatu syarikat hendaklah tertera dalam bentuk yang boleh dibaca pada semua surat perniagaan, penyata akaun, invois, notis dan

penyiaran rasmi atau yang bertujuan untuk dikeluarkan atau ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat itu.”.

Pindaan bab 100

7. Bab 100 dari Akta itu adalah dipinda, dalam tajuk bab, dengan menambah “in respect of member of company”.

Pemasukan bab-bab 100A, 100B, 100C dan 100D baru

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 100 empat bab baru yang berikut –

“Kuasa Mahkamah untuk membetulkan daftar berkaitan dengan syarikat

100A. (1) Jika Mahkamah berpendapat, akibat daripada keterangan yang ditambah di hadapannya oleh suatu syarikat pemohon, bahawa apa-apa butiran yang direkodkan dalam suatu daftar adalah salah atau cacat, Mahkamah boleh, dengan perintah, mengarahkan Pendaftar untuk membetulkan daftar itu dengan terma dan syarat sebagaimana yang dianggap adil dan wajar oleh Mahkamah, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu dan Pendaftar hendaklah, selepas menerima perintah itu, membetulkan daftar itu dengan sewajarnya.

(2) Suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah ceraian (1) boleh menghendaki supaya suatu dokumen baru, yang menunjukkan pembetulan itu, hendaklah difailkan oleh syarikat pemohon dengan Pendaftar berserta dengan salinan perintah Mahkamah itu, dan salinan permohonan Mahkamah.

Pembetulan oleh Pendaftar atas permohonan

100B. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 100A, seseorang pegawai suatu syarikat boleh memberitahu Pendaftar dalam borang yang ditetapkan mengenai –

- (a) apa-apa kesilapan yang terkandung dalam mana-mana dokumen yang berkaitan dengan syarikat itu yang difailkan atau diserahkan kepada Pendaftar; atau
- (b) apa-apa kesilapan dalam pemfailan atau penyerahan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan syarikat itu kepada Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh, selepas menerima mana-mana pemberitahuan yang disebut dalam ceraian (1) dan jika berpuas hati bahawa –

(a) kesilapan yang disebut dalam ceraian (1)(a) adalah bersifat tipografi atau perkeranian; atau

(b) kesilapan yang disebut dalam ceraian (1)(b) adalah, pada pendapat Pendaftar, tidak disengajakan dan tidak menjelaskan mana-mana orang,

membetulkan daftar itu dengan sewajarnya.

(3) Dalam membetulkan daftar di bawah ceraian (2), Pendaftar tidak boleh memadam apa-apa dokumen daripada daftar itu.

(4) Keputusan yang dibuat oleh Pendaftar sama ada untuk membetulkan daftar di bawah ceraian (2) adalah muktamad.

Pembetulan atau pengemaskinian atas inisiatif Pendaftar

100C. (1) Pendaftar boleh membetulkan atau mengemaskini apa-apa butir atau dokumen dalam suatu daftar yang disimpan olehnya, jika Pendaftar berpuas hati bahawa –

(a) terdapat suatu kecacatan atau kesilapan dalam butir-butir atau dokumen yang timbul dari apa-apa kesilapan tatabahasa, tipografi atau kesalahan yang serupa; atau

(b) terdapat bukti konflik antara butir-butir suatu syarikat atau seseorang dengan –

(i) maklumat lain dalam daftar yang berkaitan dengan syarikat atau orang itu; atau

(ii) maklumat lain yang berkaitan dengan syarikat atau orang itu yang diperolehi dari jabatan atau Kementerian Kerajaan, atau badan berkanun atau badan korporat lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Sebelum Pendaftar membetulkan atau mengemaskinikan daftar di bawah ceraian (1), Pendaftar hendaklah, kecuali di bawah hal keadaan yang ditetapkan,

memberikan notis bertulis kepada syarikat atau orang yang dokumen-dokumen atau butir-butirnya akan dibetulkan atau dikemaskinikan mengenai niat Pendaftar untuk berbuat demikian, dan menyatakan dalam notis itu –

(a) sebab-sebab bagi, dan butir-butir bagi, pembetulan atau pengemaskinian yang dicadangkan untuk dibuat kepada daftar itu; dan

(b) tarikh paling lewat apa-apa bantahan bertulis kepada pembetulan atau pengemaskinian yang dicadangkan itu boleh diserahkan kepada Pendaftar, iaitu suatu tarikh sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh notis itu.

(3) Syarikat atau orang yang diberitahu di bawah ceraian (2) boleh menyerahkan kepada Pendaftar, sebelum tarikh yang dinyatakan dalam ceraian (2)(b), suatu bantahan bertulis kepada pembetulan atau pengemaskinian yang dicadangkan bagi daftar itu

(4) Pendaftar tidak boleh membetulkan atau mengemaskinikan daftar itu jika Pendaftar menerima suatu bantahan bertulis di bawah ceraian (3) kepada pembetulan atau pengemaskinian yang dicadangkan sebelum tarikh yang dinyatakan di bawah ceraian (2)(b), melainkan jika Pendaftar berpuas hati bahawa bantahan itu adalah remeh atau menyusahkan atau telah ditarik balik.

(5) Pendaftar boleh membetulkan atau mengemaskinikan daftar itu jika Pendaftar tidak menerima suatu bantahan bertulis di bawah ceraian (3) sebelum tarikh yang dinyatakan di bawah ceraian (2)(b).

(6) Pendaftar boleh memasukkan notasi sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar dalam daftar itu bagi tujuan memberikan maklumat yang berkaitan dengan apa-apa kesilapan atau kecacatan dalam mana-mana butir atau dokumen dalam daftar itu, dan boleh memadam notasi tersebut jika Pendaftar berpuas hati bahawa notasi itu tidak lagi memberikan apa-apa tujuan yang berguna.

(7) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam bab ini, Pendaftar boleh, jika Pendaftar berpuas hati bahawa terdapat suatu kesilapan atau kecacatan dalam apa-apa butir atau dokumen dalam suatu daftar, dengan notis secara bertulis,

meminta supaya syarikat yang berkaitan dengan butir-butir atau dokumen itu, atau pegawai-pegawaiannya, mengambil langkah-langkah dalam masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pendaftar untuk memastikan bahawa kesilapan atau kecacatan itu dibetulkan.

Penguatkuasaan tugas untuk membuat penyata pulangan

100D. (1) Jika suatu perbadanan atau orang, telah ingkar untuk mematuhi –

- (a) apa-apa peruntukan dari Akta ini atau dari sebarang undang-undang bertulis lain yang menghendaki pemfailan atau penyerahan mengikut apa-apa cara kepada Pendaftar atau Penerima Rasmi mengenai apa-apa penyata pulangan, akaun atau dokumen lain atau pemberian notis kepadanya mengenai apa-apa perkara;
- (b) apa-apa permintaan Pendaftar atau Penerima Rasmi untuk meminda atau menyelesaikan dan mengemukakan semula apa-apa dokumen atau untuk mengemukakan suatu dokumen baru; atau
- (c) apa-apa permintaan Pendaftar di bawah bab 100C(7) untuk membetulkan apa-apa kesilapan atau kecacatan dalam apa-apa butir atau dokumen dalam daftar itu,

gagal untuk memperbetulkan keingkaran itu dalam masa 14 hari selepas suatu notis disampaikan kepada perbadanan atau orang itu yang menghendakinya untuk dilakukan, Mahkamah boleh, atas permohonan oleh mana-mana ahli atau pemutang perbadanan itu atau oleh Pendaftar atau oleh Penerima Rasmi, membuat suatu perintah yang mengarahkan perbadanan itu dan mana-mana pegawaiannya atau mana-mana orang untuk memperbetulkan keingkaran itu dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Apa-apa perintah sedemikian boleh memperuntukkan bahawa semua kos permohonan dan kos yang bersampingan dengan permohonan itu hendaklah ditanggung oleh perbadanan itu atau oleh mana-mana pegawai perbadanan yang bertanggungjawab bagi keingkaran itu atau oleh orang tersebut.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh mengehadkan penguatkuasaan sebarang undang-undang bertulis yang mengenakan hukuman ke atas

suatu perbadanan atau pegawai-pegawaiannya atau orang berkaitan dengan mana-mana keingkaran tersebut.”.

Pindaan bab 103

9. Bab 103 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “the Minister”.

Pindaan bab 108

10. Bab 108 dari Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan ceraian (2).

Pemasukan bab 120A baru

11. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus sebelum bab 121 bab baru yang berikut –

“Tafsiran

120A. Bagi maksud-maksud bab-bab 122 hingga 133D, melainkan jika terdapat tujuan yang bertentangan –

“kunci kira-kira”, berhubung dengan suatu syarikat, bermakna kunci kira-kira, dengan apa juu nama panggilan, yang disediakan menurut Piawaian Perakaunan;

“kumpulan” mempunyai makna yang sama seperti dalam Piawaian Perakaunan;

“syarikat induk” bermakna suatu syarikat yang dikehendaki di bawah Piawaian Perakaunan untuk menyediakan penyata kewangan berhubung dengan suatu kumpulan;

“syarikat subsidiari” bermakna suatu syarikat yang menjadi subsidiari sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piawaian Perakaunan.”.

Pindaan bab 121

12. Bab 121 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1) –

- (a) dalam perenggan (c), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan koma;
- (b) dengan memotong “And” dari baris kelapan dan menggantikannya dengan “as will sufficiently explain the transactions and financial position of the company and”;
- (c) dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (1A) ceraian baru yang berikut –
“(1B) Setiap syarikat awam dan setiap syarikat subsidiari dari suatu syarikat awam hendaklah membentuk dan menyelenggarakan suatu sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa –
 - (a) aset-aset adalah dilindungi daripada kerugian kerana penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan; dan
 - (b) transaksi adalah dibenarkan dengan sewajarnya dan bahawa ia direkodkan sebagaimana yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang betul dan adil dan untuk mengekalkan akauntabiliti aset-aset.”.

Pindaan bab 131

13. Bab 131 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (3) –
- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong “Clerk of Council” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Permanent Secretary”;
 - (b) dalam perenggan (b), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “The Minister”;
 - (c) dalam perenggan (c) –
 - (i) dalam perenggan kecil (i), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “The Minister”;
 - (ii) dalam perenggan kecil (ii) –
 - (A) dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “The Minister”;
 - (B) dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” dari baris-baris ketiga dan keempat terakhir dan menggantikannya dengan “the Minister”;

(d) dalam perenggan (e), dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” dari dua baris pertama dan mengantikannya dengan “the Minister”.

Pindaan bab 135A

14. Bab 135A dari Akta itu adalah dipinda, dalam takrifan “company”, dengan memasukkan “or the Insolvency Order, 2016 (S 1/2016)” sejurus selepas “Act”.

Pindaan bab 141A

15. Bab 141A dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (8), dengan memotong “VIII” dan mengantikannya dengan “VI of the Insolvency Order, 2016 (S 1/2016)”.

Pemasukan bab 141BA baru

16. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 141B bab baru yang berikut –

“Hilang kelayakan kerana keingkaran yang berterusan berhubung dengan penyerahan dokumen kepada Pendaftar

141BA. (1) Jika –

(a) seseorang telah ingkar secara berterusan berhubung dengan kehendak-kehendak Akta ini yang berkaitan; dan

(b) orang itu, dalam tempoh 5 tahun selepas dia terakhir diputuskan bersalah atas apa-apa kesalahan atau telah menyebabkan suatu perintah dibuat terhadapnya di bawah bab 100D atau 311A berhubung dengan apa-apa kehendak Akta ini yang berkaitan, tanpa kebenaran Mahkamah, adalah seorang pengarah atau penganjur, atau adalah dengan apa-apa cara secara langsung atau tidak langsung terlibat atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu syarikat,

dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana peruntukan Akta ini yang menghendaki apa-apa penyata pulangan, akaun atau dokumen lain untuk difaikan, disampaikan atau dihantar, atau

notis mengenai apa-apa perkara untuk diberikan, kepada Pendaftar adalah suatu kehendak Akta ini yang berkaitan bagi maksud-maksud bab ini.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, hakikat bahawa seseorang yang telah ingkar secara berterusan berhubung dengan kehendak-kehendak Akta ini yang berkaitan boleh, tertakluk kepada ceraian (8), dibuktikan secara muktamad dengan menunjukkan bahawa, dalam tempoh 5 tahun, dia telah diputuskan bersalah atas tiga kesalahan atau lebih berhubung dengan mana-mana kehendak tersebut atau mempunyai tiga perintah atau lebih yang dibuat terhadapnya di bawah bab 100D atau 311A berhubung dengan kehendak-kehendak itu.

(4) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai diputuskan bersalah atas tiga kesalahan atau lebih berhubung dengan mana-mana kehendak Akta ini yang berkaitan bagi maksud ceraian (3) jika dia disabitkan atas mana-mana tiga kesalahan atau lebih menurut apa-apa pelanggaran, atau kegagalan untuk mematuhi, apa-apa kehendak tersebut (sama ada pada pihaknya sendiri atau pada pihak mana-mana syarikat).

(5) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu sabitan bagi suatu kesalahan di bawah bab 141C(2)(a) tidaklah boleh disifatkan sebagai suatu kesalahan berhubung dengan suatu kehendak yang berkaitan bagi Akta ini.

(6) Jika –

(a) seseorang mempunyai suatu perintah ketiga atau berikutnya dibuat terhadapnya di bawah bab 100D atau 311A; dan

(b) menurut kuat kuasa bab ini orang itu telah hilang kelayakan daripada menjadi pengarah atau penganjur atau daripada mengikut apa-apa cara secara langsung atau tidak langsung terlibat atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu syarikat,

tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai menegah orang itu dari mematuhi perintah Mahkamah dan bagi maksud ini dia adalah dianggap mempunyai status, kuasa dan kewajipan yang sama sebagaimana yang dia ada pada masa perbuatan, perkara atau benda itu sepatutnya telah dilakukan.

(7) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu perakuan Pendaftar yang menyatakan bahawa seseorang telah diputuskan bersalah atas tiga kesalahan atau lebih atau tiga perintah atau lebih telah dibuat terhadapnya di bawah bab 100D atau 311A berhubung dengan kehendak-kehendak Akta ini hendaklah dalam semua mahkamah diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya.

(8) Tiada pertimbangan boleh diambil bagi maksud-maksud bab ini mengenai apa-apa kesalahan yang telah dilakukan atau, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, bermula sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2019.

(9) Seseorang yang hendak memohon kebenaran Mahkamah di bawah bab ini hendaklah memberikan notis kepada Menteri tidak kurang dari 14 hari mengenai niatnya untuk memohon itu.

(10) Apabila apa-apa permohonan didengar di bawah bab ini, Menteri boleh diwakili dan boleh menentang pemberian permohonan itu.

(11) Dalam bab ini, “syarikat” termasuk suatu syarikat yang tidak berdaftar dalam makna bab 192(1) dari Perintah Ketidaksovenan, 2016 (S 1/2016).”.

Pindaan bab 151

17. Bab 151 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (5), dalam takrifan “company”, dengan memasukkan “or the Insolvency Order, 2016 (S 1/2016)” sejurus selepas “Act”.

Pindaan bab 289

18. Bab 289 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong “Registrar” dan menggantikannya dengan “Minister, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan”.

Pindaan bab 290

19. Bab 290 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “Minister” dari baris kedua dan dari baris akhir dan menggantikannya dengan “Registrar”.

Pemasukan bab 302A baru

20. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 302 bab baru yang berikut –

“Penyata kewangan”

302A. (1) Tertakluk kepada bab ini, suatu syarikat asing hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar, dalam masa yang dinyatakan dalam ceraian (2), penyata kewangan yang dibuat sehingga akhir tahun kewangannya yang lalu bersama dengan suatu pengisyiharan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar yang mengesahkan bahawa salinan itu adalah salinan sebenar dokumen yang dikehendaki itu dan, dalam hal jika penyata kewangan itu diaudit, suatu pernyataan nama juruaduit itu.

(2) Penyata kewangan yang disebut dalam ceraian (1) hendaklah diserahkan –

(a) jika syarikat asing itu dikehendaki oleh undang-undang di tempat pemerbadanannya atau pembentukannya untuk membentangkan penyata kewangan yang disebut dalam ceraian (19)(a) dalam mesyuarat agung tahunan, dalam masa 60 hari selepas tarikh mesyuarat agung tahunannya diadakan; atau

(b) dalam apa-apa hal lain, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pengarah-pengarah syarikat asing itu untuk menyerahkan penyata kewangannya jika syarikat itu adalah suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta ini yang tidak menyimpan daftar cawangan di luar Negara Brunei Darussalam.

(3) Pendaftar boleh, jika dia berpendapat bahawa penyata kewangan yang disebut dalam ceraian (19)(a) tidak mendedahkan dengan mencukupi kedudukan kewangan syarikat asing itu, menghendaki syarikat itu –

(a) untuk menyerahkan penyata kewangan dalam tempoh, dalam borang dan mengandungi apa-apa butir; dan

(b) untuk melampirkan apa-apa dokumen, sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar dengan notis secara bertulis kepada syarikat itu.

- (4) Ceraian (3) tidak membenarkan Pendaftar untuk menghendaki –
(a) penyata kewangan yang mengandungi apa-apa butir; atau
(b) syarikat itu untuk melampirkan, menyertakan atau menghantar apa-apa dokumen,

yang tidak dikehendaki untuk diberikan jika syarikat itu adalah suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta ini.

(5) Syarikat asing itu hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam notis di bawah ceraian (3).

(6) Sebagai tambahan kepada penyata kewangan yang dikehendaki untuk diserahkan kepada Pendaftar di bawah ceraian-ceraian (1), (2) dan (3), suatu syarikat asing hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar dalam masa yang dinyatakan dalam ceraian (2) –

(a) suatu penyata yang telah diaudit dengan sewajarnya yang menunjukkan aset-asetnya yang digunakan dalam, dan liabiliti-liabiliti yang timbul dari, pengendaliannya di Negara Brunei Darussalam sebagaimana pada tarikh kunci kira-kiranya dibuat;

(b) suatu akaun untung dan rugi yang diaudit dengan sewajarnya yang, setakat yang boleh dilaksanakan, mematuhi kehendak-kehendak Piawaian Perakaunan dan yang memberikan suatu pandangan yang benar dan adil mengenai keuntungan atau kerugian yang timbul dari pengendalian syarikat itu di Negara Brunei Darussalam bagi tahun kewangan terakhir yang terdahulu bagi syarikat itu; dan

(c) suatu pernyataan nama juruaudit yang mengaudit dokumen-dokumen yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) dan (b).

(7) Bagi maksud-maksud ceraian (6), syarikat asing itu adalah berhak untuk membuat pembahagian perbelanjaan yang ditanggung berkenaan dengan pengendalian

atau pentadbiran yang menjelaskan Negara Brunei Darussalam dan juga tempat lain dan untuk menambah nota dan penjelasan sebagaimana pada pendapatnya adalah perlu atau wajar untuk memberikan pandangan yang benar dan jelas mengenai keuntungan atau kerugian pengendaliannya di Negara Brunei Darussalam.

(8) Suatu syarikat asing yang dorman di Negara Brunei Darussalam boleh, sebagai ganti memenuhi kehendak-kehendak ceraian (6), menyerahkan kepada Pendaftar –

(a) suatu penyata yang tidak diaudit yang menunjukkan aset-asetnya yang digunakan dalam, dan liabiliti-liabiliti yang timbul dari, pengendaliannya di Negara Brunei Darussalam; dan

(b) suatu akaun untung dan rugi yang tidak diaudit berkaitan dengan pengendalian syarikat itu di Negara Brunei Darussalam.

(9) Pendaftar boleh, atas permohonan oleh suatu syarikat asing dan pembayaran yuran permohonan yang ditetapkan, melanjutkan tempoh yang disebut dalam ceraian (2) yang dalamnya syarikat itu dikehendaki mematuhi mana-mana atau semua kehendak ceraian-ceraian (2)(b) dan (6).

(10) Suatu penyata dan akaun untung dan rugi adalah dianggap telah diaudit dengan sewajarnya bagi maksud ceraian (6) jika ia disertakan dengan suatu laporan dari suatu entiti perakaunan yang dilantik untuk menyediakan perkhidmatan audit berkenaan dengan pengendalian syarikat asing itu di Negara Brunei Darussalam yang mematuhi, setakat mana yang boleh dilaksanakan, bab 133(1).

(11) Pendaftar boleh, atas permohonan bertulis dari suatu syarikat asing, mengetepikan kehendak bagi syarikat asing itu menyerahkan dokumen yang disebut dalam ceraian (6) jika Pendaftar berpuas hati bahawa –

(a) adalah tidak praktikal bagi syarikat asing itu mematuhi dengan mengambil kira jenis pengendalian syarikat asing itu di Negara Brunei Darussalam;

(b) ia tidak mempunyai nilai sebenar dengan mengambil kira amaun yang terlibat;

(c) ia akan melibatkan perbelanjaan yang tidak wajar kadarnya dengan nilainya;

(d) ia akan mengelirukan atau membahayakan perniagaan syarikat asing itu, atau mana-mana syarikat yang dianggap menurut bab 129A sebagai berkait dengan syarikat asing itu.

(12) Pendaftar boleh, atas permohonan bertulis dari suatu syarikat asing, dengan perintah melepaskan syarikat asing itu daripada salah satu atau kedua-dua yang berikut –

(a) apa-apa kehendak yang berhubung dengan audit atau bentuk dan isi kandungan dokumen-dokumen yang disebut dalam ceraian (6);

(b) apa-apa kehendak yang berhubung dengan audit atau bentuk dan isi kandungan dokumen-dokumen yang disebut dalam ceraian (19)(b).

(13) Pendaftar boleh membuat perintah yang disebut dalam ceraian (12) secara tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat bahawa syarikat asing itu mematuhi apa-apa kehendak lain yang berhubung dengan audit atau bentuk dan isi kandungan dokumen-dokumen sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pendaftar.

(14) Pendaftar tidaklah boleh membuat suatu perintah di bawah ceraian (12) melainkan jika dia berpendapat bahawa dengan mematuhi kehendak-kehendak di bawah bab ini akan menyebabkan dokumen itu mengelirukan atau tidak sesuai dengan hal keadaan syarikat asing itu atau akan mendatangkan beban yang tidak munasabah kepada syarikat itu.

(15) Pendaftar boleh membuat suatu perintah di bawah ceraian (12) yang mungkin terhad kepada suatu tempoh khusus dan boleh dari masa ke semasa membatalkan atau menggantung penguatkuasaan mana-mana perintah tersebut.

(16) Tanpa menjelaskan ceraian-ceraian (11), (12) dan (13), Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, berkaitan dengan kelas atau perihalan khusus syarikat asing –

(a) menggantikan Piawaian Perakaunan lain bagi Piawaian Perakaunan itu, dan peruntukan-peruntukan bab ini dikenakan dengan sewajarnya berkenaan dengan syarikat asing tersebut; atau

(b) mengecualikan suatu kelas atau perihalan khusus syarikat asing daripada apa-apa atau semua kehendak ceraian (6).

(17) Jika keingkaran dibuat oleh suatu syarikat asing dalam mematuhi bab ini –

(a) syarikat itu; dan

(b) setiap pengarah atau orang yang bersamaan, dan setiap wakil syarikat yang diberi kuasa, yang dengan mengetahui dan dengan sengaja memberi kuasa atau membenarkan keingkaran itu,

setiap seorang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan setiap seorang itu boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000.

(18) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu syarikat asing yang dorman di Negara Brunei Darussalam semasa suatu tempoh apabila tiada berlaku transaksi perakaunan yang timbul dari pengendaliannya di Negara Brunei Darussalam; dan syarikat itu tidak lagi menjadi dorman selepas berlakunya transaksi tersebut.

(19) Dalam bab ini –

“transaksi perakaunan” bermakna suatu transaksi di mana perakaunan atau rekod-rekod lain dikehendaki untuk disimpan supaya dokumen-dokumen yang disebut dalam ceraian (6) itu boleh disediakan;

“penyata kewangan” bermakna –

(a) dalam hal jika syarikat asing itu dikehendaki oleh undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa di tempat pemerbadanan atau pembentukan syarikat itu untuk menyediakan penyata-penyata kewangan menurut apa-apa Piawaian Perakaunan yang boleh dikenakan yang serupa dengan Piawaian Perakaunan itu atau yang boleh diterima oleh Pendaftar, penyata-penyata kewangan itu; dan

(b) dalam apa-apa hal lain, penyata kewangan dalam bentuk dan yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang pengarah-pengarah syarikat itu mungkin dikehendaki untuk menyediakan atau mendapatkan jika syarikat asing itu adalah suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta ini.”.

Pindaan bab 309

21. Bab 309 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dalam proviso kepada perenggan (b), dengan memotong “constitution” dan menggantikannya dengan “memorandum and articles”.

Pindaan Akta itu

22. Akta itu adalah dipinda –

(a) dengan memotong tajuk “ENFORCEMENT” yang terdapat sejurus selepas bab 311 dan menggantikannya dengan tajuk Bahagian baru yang berikut –

“PART XII

ENFORCEMENT AND GENERAL PROVISIONS”;

(b) dengan memotong tajuk “MISCELLANEOUS OFFENCES” yang terdapat sejurus selepas bab 311A.

Penggantian bab 312

23. Bab 312 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut –

“Penyata palsu dan mengelirukan

312. (1) Setiap perbadanan yang mengiklankan, mengedarkan atau menyiarkan apa-apa penyata amaun modalnya yang mengelirukan, atau yang didalamnya amaun modal atau modal yang dilanggan dinyatakan tetapi amaun modal berbayar atau amaun apa-apa bayaran ke atas modal yang tidak dibeli tidak dinyatakan secara terang sepertimana amaun modal yang dilanggan itu dinyatakan, dan setiap pegawai perbadanan itu yang dengan mengetahui membenarkan, mengarahkan atau menyetujui pengiklanan, pengedaran atau penyiaran tersebut adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Setiap orang yang dalam apa-apa penyata pulangan, laporan, perakuan, kunci kira-kira, penyata kewangan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh atau bagi maksud-maksud Akta ini dengan sengaja membuat atau membenarkan pembuatan suatu pernyataan palsu atau mengelirukan mengenai apa-apa butir material, dengan mengetahui adalah palsu atau mengelirukan atau dengan sengaja meninggalkan atau membenarkan peninggalan apa-apa perkara atau benda yang tanpanya dokumen itu mengelirukan dalam kaitan yang material, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mana-mana orang yang, bagi apa-apa maksud di bawah Akta ini –

(a) menyerahkan atau memfailkan dengan, atau mengemukakan kepada, Pendaftar apa-apa dokumen; atau

(b) membenarkan seseorang lain untuk menyerahkan atau memfailkan dengan, atau mengemukakan kepada, Pendaftar apa-apa dokumen, dengan mengetahui bahawa dokumen itu adalah palsu atau mengelirukan dalam suatu kaitan yang material adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Bagi maksud-maksud ceraian (2), jika seseorang dalam suatu mesyuarat mengadakan undian yang menyokong pembuatan suatu penyata yang disebut dalam ceraian itu, dia adalah dianggap telah membenarkan pembuatan penyata itu.”.

Pemasukan bab 312A baru

24. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 312 bab baru yang berikut –

“Penyata atau laporan palsu

312A. (1) Seseorang pegawai perbadanan yang, dengan niat untuk menipu, membuat atau memberikan, atau dengan mengetahui dan dengan sengaja memberi kuasa atau membenarkan pembuatan atau pemberian, apa-apa penyata atau laporan palsu atau mengelirukan kepada –

(a) seseorang pengarah, juruaudit, ahli, pemegang debentur atau pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur perbadanan itu; atau
(b) dalam hal suatu perbadanan yang menjadi subsidiari, seseorang juruaudit syarikat induk itu,
berhubung dengan hal ehwal perbadanan itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam ceraian (1), “pegawai” termasuk seseorang yang pada bila-bila masa telah menjadi pegawai perbadanan itu.”.

Pindaan Akta itu

25. Akta itu adalah dipinda dengan memotong tajuk “GENERAL PROVISIONS AS TO OFFENCES” yang terdapat sejurus selepas bab 313.

Pemasukan bab 316A baru

26. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 316 bab baru yang berikut –

“Komposisi kesalahan

316A. (1) Pendaftar boleh, atas budi bicaranya, mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada seseorang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi amaun yang lebih rendah daripada yang berikut –

(a) separuh dari amaun denda maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan itu;
(b) \$5,000.

(2) Selepas pembayaran apa-apa jumlah wang yang disebut dalam ceraian (1), tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.”.

Penggantian bab 319A

27. Bab 319A dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut –

“Sistem transaksi elektronik”

319A. (1) Pendaftar boleh –

- (a) menghendaki atau membenarkan mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa transaksi dengan Pendaftar di bawah Akta ini; dan
- (b) mengeluarkan apa-apa kebenaran, perakuan, notis, penentuan atau dokumen lain menurut atau berkaitan dengan suatu transaksi yang disebut dalam perenggan (a),

dengan menggunakan sistem transaksi elektronik itu.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa suatu transaksi sepatutnya disifatkan sebagai telah dijalankan pada suatu tarikh dan masa yang lebih awal, daripada tarikh dan masa yang ditunjukkan dalam sistem transaksi elektronik itu, Pendaftar boleh menyebabkan sistem transaksi elektronik itu dan daftar yang disimpan oleh Pendaftar untuk menunjukkan tarikh dan masa yang lebih awal tersebut.

(3) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu rekod bila mana sistem transaksi elektronik atau daftar itu diubah di bawah ceraian (2).

(4) Dalam bab ini –

“dokumen” termasuk apa-apa permohonan, borang, laporan, perakuan, notis, pengesahan, pengisyiharan, penyata pulangan atau dokumen lain (sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya) yang difailkan atau diserahkan kepada, atau dikemukakan kepada Pendaftar;

“transaksi”, berhubung dengan Pendaftar, bermakna –

- (a) pemfailan atau penyerahan apa-apa dokumen kepada Pendaftar, atau pengemukaan, pengeluaran, penyampaian, pemberian atau penghantaran apa-apa dokumen kepada Pendaftar;

- (b) apa-apa pembuatan sebarang permohonan, pengemukaan atau permintaan kepada Pendaftar;
- (c) apa-apa penyediaan sebarang aku janji atau pengisytiharan kepada Pendaftar; dan
- (d) apa-apa petikan, cabutan atau pengaksesan apa-apa dokumen, rekod atau maklumat yang disenggarakan oleh Pendaftar.”.

Pemasukan bab-bab 319B, 319C, 319D dan 319E baru

28. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 319A empat bab baru yang berikut –

“Tafsiran

319B. Dalam bab ini dan bab-bab 312, 319C, 319D dan 319E, melainkan jika terdapat maksud yang bertentangan –

“penyata kewangan yang disatukan” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Piawaian Perakaunan;

“perlembagaan” bermakna memorandum persatuan syarikat itu, artikel persatuan syarikat itu atau kedua-duanya yang didaftarkan dengan Pendaftar di bawah bab 15, sebagaimana yang mungkin dipinda dari masa ke semasa;

“syarikat induk” bermakna suatu syarikat yang dikehendaki di bawah Piawaian Perakaunan untuk menyediakan penyata kewangan berhubung dengan suatu kumpulan;

“penyata kewangan” bermakna penyata kewangan suatu syarikat yang dikehendaki untuk disediakan oleh Piawaian Perakaunan dan, dalam hal suatu syarikat induk, bermakna penyata kewangan yang disatukan.

Penghantaran elektronik notis mesyuarat

319C. (1) Jika apa-apa notis mesyuarat dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan, dihantar atau disampaikan di bawah Akta ini atau di bawah perlembagaan suatu syarikat oleh syarikat itu atau pengarah-pengarah syarikat itu kepada –

(a) seseorang ahli syarikat itu; atau
(b) seseorang pegawai atau juruaudit bagi syarikat itu,
notis itu boleh diberikan, dihantar atau disampaikan dengan menggunakan komunikasi elektronik ke alamat semasa orang itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu notis mesyuarat hendaklah juga disifatkan sebagai diberikan atau dihantar kepada, atau disampaikan kepada seseorang jika –

- (a) syarikat dan orang itu telah bersetuju secara bertulis bahawa notis mesyuarat yang dikehendaki untuk diberikan kepada orang itu boleh sebagai ganti diakses olehnya di laman web;
- (b) mesyuarat tersebut adalah mesyuarat yang dipersetujui itu;
- (c) notis itu disiarkan di laman web tersebut supaya ia boleh dibaca atau boleh dibuat supaya boleh dibaca;
- (d) orang itu diberitahu, mengikut cara yang telah dipersetujui pada masa itu antara dia dengan syarikat tersebut bagi maksud itu, mengenai –
 - (i) penyiaran notis tersebut di laman web itu;
 - (ii) alamat laman web itu; dan
 - (iii) tempat di laman web itu di mana notis tersebut boleh diakses, dan bagaimana ia boleh diakses; dan
- (e) notis itu terus disiarkan di dan boleh terus diakses oleh orang itu dari laman web itu sepanjang tempoh yang bermula dari pemberitahuan itu diberikan dan berakhir dengan penghujung mesyuarat itu.

(3) Bagi maksud-maksud Akta ini, suatu notis mesyuarat yang disifatkan menurut ceraian (2) sebagaimana yang diberikan atau dihantar atau disampaikan kepada mana-mana orang hendaklah disifatkan sebagai diberikan, dihantar atau disampaikan sedemikian pada masa pemberitahuan itu disebut dalam ceraian (2)(d).

(4) Suatu notis mesyuarat yang diberikan bagi maksud-maksud ceraian (2)(d) hendaklah menyatakan perkara atau maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi suatu notis jenis itu di bawah apa-apa peruntukan lain Akta ini atau perlombagaan syarikat itu.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (2) boleh membatalkan prosiding-prosiding suatu mesyuarat jika –

(a) apa-apa notis mesyuarat yang dikehendaki untuk disiarkan dan boleh terus diakses sebagaimana yang disebut dalam perenggan (e) ceraian itu disiarkan dan boleh terus diakses bagi sebahagian, tetapi tidak semua, daripada tempoh yang disebut dalam perenggan itu; dan

(b) kegagalan untuk menyiaran dan menjadikan notis itu boleh diakses sepanjang tempoh itu adalah berpunca seluruhnya daripada hal keadaan yang tidak munasabah untuk menjangkakan syarikat itu menghalang atau mengelak.

(6) Suatu syarikat boleh, dengan tidak menghiraukan apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam perlembagaannya, mendapat manfaat dari ceraian (1), (2), (3), (4) atau (5).

(7) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab 319D, alamat semasa seseorang dari suatu syarikat, berhubung dengan apa-apa notis atau dokumen, adalah nombor atau alamat yang digunakan bagi komunikasi elektronik yang –

(a) telah diberitahu oleh orang itu secara bertulis kepada syarikat itu sebagai alamat yang notis atau dokumen itu boleh dihantar kepadanya; dan

(b) syarikat itu tidak ada sebab untuk mempercayai bahawa notis atau dokumen itu dihantar kepada orang itu di alamat itu tidak akan sampai kepadanya.

Penghantaran elektronik dokumen

319D. (1) Jika apa-apa akaun, kunci kira-kira, penyata kewangan, laporan atau dokumen lain dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan, dihantar atau disampaikan di bawah Akta ini atau di bawah perlembagaan suatu syarikat oleh syarikat itu atau oleh pengarah-pengarah syarikat itu kepada –

(a) seseorang ahli syarikat itu; atau

(b) seseorang pegawai atau juruaudit syarikat itu,

dokumen itu boleh diberikan, dihantar atau disampaikan dengan menggunakan komunikasi elektronik kepada alamat semasa orang itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu dokumen hendaklah juga disifatkan sebagai diberikan atau dihantar, atau disampaikan kepada seseorang jika –

- (a) syarikat dan orang itu telah bersetuju secara bertulis supaya dia mendapat akses kepada dokumen-dokumen di laman web (sebagai ganti dokumen-dokumen itu dihantar kepadanya);
- (b) dokumen itu adalah suatu dokumen yang telah dipersetujui itu;
- (c) dokumen itu disiarkan di laman web supaya ia boleh dibaca atau boleh dibuat supaya dapat dibaca; dan
- (d) orang itu diberitahu, mengikut cara yang telah dipersetujui pada masa itu bagi maksud itu antara dia dengan syarikat tersebut, mengenai –
 - (i) penyiaran dokumen itu di laman web;
 - (ii) alamat laman web itu; dan
 - (iii) tempat di laman web itu di mana dokumen itu boleh diakses, dan bagaimana ia boleh diakses.

(3) Jika apa-apa peruntukan dari Akta ini atau dari perlembagaan syarikat itu menghendaki apa-apa dokumen untuk diberikan atau dihantar kepada, atau disampaikan kepada seseorang tidak kurang dari jumlah hari yang dinyatakan sebelum suatu mesyuarat, dokumen itu, jika disifatkan menurut ceraian (2) sebagai diberikan atau dihantar kepada, atau disampaikan kepada mana-mana orang, hendaklah disifatkan sebagai diberikan atau dihantar kepada, atau disampaikan kepada orang itu tidak kurang daripada bilangan hari yang dinyatakan sebelum tarikh mesyuarat jika, dan hanya jika –

- (a) dokumen itu disiarkan dan boleh terus diakses oleh orang itu daripada laman web sepanjang suatu tempoh yang bermula sebelum bilangan hari yang dinyatakan sebelum tarikh mesyuarat dan berakhir pada penghujung mesyuarat itu; dan
- (b) pemberitahuan yang diberikan bagi maksud-maksud ceraian (2)(d) diberikan tidak kurang dari bilangan hari yang dinyatakan sebelum tarikh mesyuarat itu.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (3) boleh membatalkan prosiding-prosiding suatu mesyuarat jika –

(a) apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk disiarkan dan boleh terus diakses sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a) ceraian itu disiarkan dan boleh terus diakses bagi sebahagian, tetapi tidak semua, daripada tempoh yang disebut dalam perenggan itu; dan

(b) kegagalan untuk menyiarkan dan menjadikan dokumen itu boleh diakses sepanjang tempoh itu adalah seluruhnya berpunca daripada keadaan yang tidak munasabah untuk menjangkakan syarikat itu menghalang atau mengelak.

(5) Suatu syarikat boleh, dengan tidak menghiraukan apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam perlembagaannya, mengambil manfaat daripada ceraian (1), (2), (3) atau (4).

Penghantaran elektronik menurut perlembagaan

319E. (1) Dengan tidak menghiraukan bab-bab 319C dan 319D, jika suatu notis mesyuarat, atau apa-apa akaun, kunci kira-kira, penyata kewangan, laporan atau dokumen lain dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan, dihantar atau disampaikan di bawah Akta ini atau di bawah perlembagaan suatu syarikat oleh syarikat itu atau oleh pengarah-pengarah syarikat itu kepada seseorang ahli syarikat itu, notis atau dokumen itu boleh diberikan, dihantar atau disampaikan dengan menggunakan komunikasi elektronik dengan persetujuan yang nyata, tersirat atau yang dianggap sebagai persetujuan dari ahli itu menurut perlembagaan syarikat itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, seseorang ahli telah memberikan persetujuan yang tersirat jika perlembagaan syarikat itu –

- (a) memperuntukkan bagi penggunaan komunikasi elektronik;
- (b) menyatakan cara bagaimana komunikasi elektronik itu digunakan; dan
- (c) memperuntukkan bahawa ahli itu hendaklah bersetuju menerima notis atau dokumen itu dengan cara komunikasi elektronik tersebut dan tidak

mempunyai hak untuk memilih bagi menerima suatu salinan fizikal notis atau dokumen tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, seseorang ahli hendaklah dianggap telah bersetuju jika –

- (a) perlembagaan syarikat itu memperuntukkan penggunaan komunikasi elektronik;
- (b) perlembagaan syarikat itu menyatakan cara bagaimana komunikasi elektronik itu digunakan;
- (c) perlembagaan syarikat itu menyatakan bahawa ahli itu akan diberi peluang untuk memilih dalam tempoh masa yang dinyatakan (masa yang dinyatakan), sama ada untuk menerima notis atau dokumen tersebut dengan cara komunikasi elektronik atau sebagai suatu salinan fizikal; dan
- (d) ahli itu diberi peluang untuk memilih sama ada untuk menerima notis atau dokumen tersebut dengan cara komunikasi elektronik atau sebagai suatu salinan fizikal, dan dia gagal membuat pilihan dalam masa yang dinyatakan.

(4) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan di bawah bab 324A –

- (a) untuk mengecualikan apa-apa notis atau dokumen atau apa-apa kelas notis atau dokumen daripada pengenaan bab ini;
- (b) untuk memberikan perlindungan bagi penggunaan komunikasi elektronik di bawah bab ini; dan
- (c) tanpa menjelaskan keluasan makna perenggan (b), bagi mengadakan peruntukan bahawa seseorang ahli yang dianggap telah bersetuju untuk menerima notis atau dokumen dengan cara komunikasi elektronik boleh membuat suatu pemilihan baru untuk menerima notis atau dokumen tersebut sebagai suatu salinan fizikal dan cara bagaimana pemilihan baru itu mungkin dibuat.”.

Pindaan Akta itu

29. Akta itu adalah dipinda dengan memotong tajuk “GENERAL PROVISIONS AS TO ALTERATIONS OF TABLES, FORMS AND FEE ETC.” yang terdapat sejurus selepas bab 322.

Pindaan bab 323

30. Bab 323 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1) –

(a) dengan memotong “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “The Minister, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan”;

(b) dengan memasukkan “and the Eleventh Schedule” sejurus selepas “Schedule” dalam baris akhir.

Pemansuhan bab 324

31. Bab 324 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

Pemansuhan Jadual Kesembilan

32. Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Kesembilan.

Pindaan Jadual Kesebelas

33. Jadual Kesebelas kepada Akta itu adalah dipinda, dalam rujukan bab, dengan memotong “324” dan menggantikannya dengan “323”.

Pindaan Akta itu

34. Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Minister of Finance” di mana sahaja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Minister”.

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Safar 1441 Tahun Hijrah 1440
bersamaan dengan 1 haribulan Oktober 2019 di Istana Nurul
Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.